
BIL. 32 MEI 2019

Kemangkatan Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah satu ke

Kemangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'i Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah pada 22 Mei 2019 yang lalu amat dirasai oleh rakyat di negeri Pahang Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, Almarhum Paduka merupakan membawa nikmat pembangunan dan kemajuan yang amat bernilai kepada negeri Pahang Darul Makmur.

"Pelbagai projek pembangunan pendidikan rancak berjalan di bawah naungan Almarhum Paduka menyempurnakan peletakan batu asasnya pada 2 November 2002 dan pembangunan kampus tetap di Kuala Lumpur sebagai tanda sebagai salah satu universiti teknologi terunggul bertaraf dunia," katanya.

Mewakili seluruh warga UMP, beliau menzahirkan ucapan sembah takziah kepada seluruh keluarga Almarhum Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah.

Seluruh warga UMP amat berduka cita dan sedih atas kemangkatan Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah yang amat dirasai buat warga UMP.

Almarhum Paduka banyak menyumbang terhadap pembangunan universiti ini dan sebagai menghargai jasanya dalam membina universiti ini, Almarhum Paduka telah dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam Komemoratif & Majlis Konvokesyen Ke-4 UMP pada tahun 2009.

Selain itu juga, UMP telah menerbitkan buku *The Ruler, The Builder, The Engineer* sebagai menyatakan sumbangan dan pengaruhnya terhadap pembangunan Negeri Pahang Darul Makmur dalam melihat negeri ini maju dan makmur untuk dinikmati oleh

Indahnya Ramadan UMP dan Etiqa salur sumbang

Sebanyak RM130,000 disumbangkan pihak Etiqa bagi bantuan zakat mahasiswa Universiti Malaysia Pahang seperti Bantuan Asnaf dan ‘Program Back to School’ pada penghujung tahun ini.

Serahan sumbangan telah disampaikan oleh Pengurus Etiqa Family Takaful Berhad & Etiqa General merangkap Ahli Lembaga Pengarah Universiti kepada Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar W bersama Etiqa pada 25 Mei 2019 yang lalu di perkarangan Masjid UMP Kampus Gambang.

Hadir sama Pengurus Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Ibrahim Ahmad.

Turut berlangsung pengagihan zakat kepada 30 orang mahasiswa UMP untuk menampung perbelanjaan harian yang disampaikan kepada 20 buah keluarga asnaf sekitar Kuantan.

Menurut Profesor Dr Wan Azhar, pihaknya yakin lebih ramai lagi mahasiswa UMP dan asnaf boleh dibantu kewangan yang lebih.

"Justeru, UMP mengharapkan lebih banyak lagi penyumbang dalam kalangan syarikat swasta untuk tampil

"Setinggi-tinggi penghargaan kepada Etiqa atas sumbangan yang disalurkan ini. Juga ucapan terima kasih sokongan berterusan yang diberikan kepada pihak pengurusan untuk mengimarahkan ekosistem infak dan

Dengan komitmen tersebut, beliau percaya UMP dan Etiqa akan terus bersinergi bagi maksud membangun pembangunan ummah melalui aktiviti amal dari semasa ke semasa.

Malahan sumbangan daripada Etiqa ini bukanlah kali pertama, ia bermula sejak tahun 2011 lagi dan sejauh RM530,000.

Kewujudan UMP sebagai Universiti Awam (UA) tidak hanya berkewajipan dalam memastikan kebajikan cakna terhadap masyarakat sekeliling kampus.

Majlis turut dihadiri 1,000 mahasiswa yang berpeluang iftar bersama pengurusan universiti.

Kongsi kegembiraan Alumni UMP bawa anak yatim dan asnaf

Terpancar keriangan buat 110 penerima sumbangan raya berusia antara lima hingga 17 tahun dalam berpeluang memilih sendiri pakaian raya dalam program Ziarah Prihatin Aidilfitri Projek Baju Raya yang berlangsung pada 25 Mei 2019 yang lalu.

Program dianjurkan Persatuan Alumni Graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Yayasan Kuantan, Ikram Muda Pahang, Gema Pahang dan Unit Perhubungan Alumni Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Hadir sama Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Menteri Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Timbalan Presiden Persatuan Alumni UMP, Mohd

Program bermula pada jam 9.00 pagi itu membabitkan seramai 50 orang sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan dan wakil daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Menurut Profesor Dato' Dr. Yuserrie, program ini sebagai menyokong program *MyGift* yang dijalankan dalam kerjasama dengan kerajaan untuk menggerakkan agenda kesukarelawanan dalam kalangan Alumni dan mahasiswa UMP.

"Bantuan ini sekurang-kurangnya dapat membantu meringankan beban dan merasai nikmat bersama-sama semasa menyemarakkan keindahan Ramadan dan menjelangnya Aidilfitri tidak lama lagi," katanya.

Selain itu, dalam berkongsi kegembiraan, pihaknya mengharapkan anak-anak yang kurang bernasib baik agar mereka merasai penuh keceriaan.

Mereka berhak untuk berkongsi kegembiraan, sebab itu kami usahakan yang terdaya untuk membantu mereka merasai kegembiraan ini," katanya.

Pihaknya menghargai sumbangan daripada individu dan pihak NGO yang sama-sama turut serta menjayakan program ini.

Dalam usaha membantu keluarga yang berkeperluan ini, penerima sumbangan ini bukan sahaja dibantu dengan menyediakan makanan dan pakaian raya, tetapi juga pelbagai peralatan rumah tangga dan perlengkapan sekolah. Selain itu, mereka juga diberi peluang untuk mengikuti program 'School' pada hujung tahun nanti bagi meringankan beban keluarga.

40 mahasiswa edar makanan singgah sahur di Kuantan

Sebagai menghargai tugas penjawat awam yang berkhidmat pada waktu malam, seramai 40 sukarelawan (UMP) turun padang untuk menemui golongan sasar itu dalam Program Singgah [Sahur@KL](#) yang bermula pada jam 10 malam yang bertungkus-lumus menjaga keselamatan orang ramai sepanjang malam.

Sebanyak 600 pek makanan diedarkan kepada anggota Polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi dan Kompleks Bersepadu Selatan (TBS) Kuala Lumpur serta gelandangan sekitar Bandar raya pada 14 Mei 2019 yang lajut sehingga ke pagi.

Kehadiran sukarelawan disambut Ins. Baalanagan a/l Chandran yang merupakan Pegawai Penyiasat Jelajah dan Pegawai Penyiasat Jenayah Nakortik, IPD Dang Wangi.

Turut sama hadir Ketua Pegawai Operasi Petronas ICT Sdn. Bhd., Izwan Hasli Ibrahim yang juga Pemegang Jawatan Pengurusan.

Menurut Izwan, dengan adanya program sebegini, dapatlah memberi peluang mahasiswa menyelaraskan diri dengan keadaan tanpa perlu meninggalkan kampus dan memberikan keceriaan kepada anggota polis yang bertugas sepanjang bulan Ramadan ini.

"Lebih menarik difahamkan dalam kalangan kumpulan sukarelawan sendiri terdiri daripada mahasiswa yang berada di kota dan termasuklah daripada keluarga B40.

"Program sebegini dapat memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai kehidupan gelandangan di kota dan memberi pengalaman bagaimana mereka hidup berkhidmat tatkala orang lain lena tidur serta dapat bersahur bersama keluarga," katanya di sini.

Manakala bagi Pengarah Program, Najihan Zanian yang juga merupakan mahasiswa Fakulti Kejuruteraan dan Sains Makanan, UMP berkata dia puas hati dengan keadaan dan pihaknya berbangga dengan komitmen mahasiswa yang sanggup mengorbankan masa apatah lagi setelah selesai menghadiri aktiviti akademik dan peperiksaan semester tidak lama lagi.

"Pada kali ini, sukarelawan juga turut mengedarkan kit kebersihan kepada gelandangan dan membersihkan gelanggang dan sekitarnya termasuk sekitar Masjid Negara.

"Tambah menarik apabila program kali ini turut memberi peluang mahasiswa menyampaikan juadah sahur mereka di gelanggang dan sekitarnya di Kuala Lumpur," katanya.

Hadir sama Pengurus MAJU TMAS Sdn. Bhd., Khairos Ishak yang turut memberi penerangan dan membawakan program.

Program ini adalah sebahagian daripada aktiviti *MyGift* dalam memasyarakatkan kampus.

Program Singgah [Sahur@KL](#) memfokuskan petugas yang bekerja pada waktu malam terutamanya dalam bidang jualan dan kaunter.

Ia berkonsepkan singgah bermesra sambil menyerahkan sumbangan juadah bersahur kepada mereka.

'Ziarah Prihatin Ramadan', Alumni UMP hulur bantuan ringgit

Prihatin dengan nasib sebahagian keluarga yang dihimpit kesusahan apatah lagi menjelangnya Hari Raya Aidilfitri, Persatuan Alumni Graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan program Ziarah Prihatin kepada golongan ini pada 18 Mei 2019 yang lalu di sekitar Kuantan.

Program bermula pada jam 9.00 pagi di Masjid UMP dengan taklimat yang disampaikan Pengarah Program, 50 orang sukarelawan yang terdiri daripada alumni, staf dan mahasiswa UMP serta wakil daripada Pertubuhan.

Bagi melancarkan agihan, para sukarelawan telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan bergantung mengagihkan sumbangan berbentuk pek makanan dan wang tunai kepada 80 keluarga asnaf yang terpilih.

Menurut pensyarah dan Timbalan Presiden Persatuan Alumni UMP, Mohd Najib Razali, program pada kali ini berbanding tahun sebelum ini dan lebih ramai keluarga asnaf telah menerima manfaat.

“Dalam usaha membantu keluarga yang berkeperluan ini, penerima sumbangan ini bukan sahaja dibantu pelbagai program juga telah dirangka bagi membantu mereka meneruskan kehidupan seharian.

“Malahan sumbangan diteruskan pada edisi Program Ziarah Prihatin Aidilfitri menerusi Projek Baju Raya dan baju sekolah ‘*Back to School*’ pada hujung tahun nanti,” katanya.

Pihaknya amat menghargai komitmen sukarelawan dan sokongan semua pihak yang telah bertungkus-lunak dalam program ini termasuk kerajaan, pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan para penyumbang.

Bagi sukarelawan, Afiqah Yeop, yang juga merupakan pelajar pascasiswazah Fakulti Kejuruteraan Kimia, membantu meringankan beban dan memberikan keceriaan kepada para asnaf dengan sumbangan yang diberikan. “Saya rasa keinsafan di hati tatkala melihat kesusahan hidup orang lain.

"Selain itu, program ini turut melahirkan kekuatan dan semangat untuk terus menabur khidmat bakti dalam katanya.

Manakala menurut Suhaimi Deraman, salah seorang asnaf dari Kampung Tanjung Api, Kuantan yang menerima sumbangan yang diberikan kerana dapat membantu meringankan beban beliau sekeluarga khususnya dalam mengasuh anak-anaknya.

Agak sukar bagi beliau menampung perbelanjaan buat lapan orang anak memandangkan tidak mempunyai pendapatan sekitar RM700 sebulan dengan pelbagai kerja yang dilakukan.

Dalam pada itu, pihak persatuan turut menganjurkan Program Singgah Sahur dan Penyampaian Sumbangan Iman, Kempadang.

Program dihadiri oleh 20 orang sukarelawan yang terdiri daripada alumni, pelajar UMP dan Ikram Muda Pahang.

Seramai 40 orang penghuni dan staf Rumah Anak Yatim diraikan dalam program ini.

Pada sebelah petangnya pula berlangsung Majlis Iftar Perdana dan Penyampaian Sumbangan Pek Masjid di Masjid Kampung Jaya Gading.

Majlis diserikan dengan kehadiran Pengurus Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Jaya Gading, khariah masjid.

Seramai 20 orang asnaf dari Kampung Jaya Gading telah menerima sumbangan pada majlis tersebut.

Program yang dianjurkan ini telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Ikram Kuantan, Gema Pahang, Hidayah Centre Pahang, Ikram Muda Pahang dan Pejabat Ahli Parlimen Kuantan.

Pengorbanan anggota keselamatan UMP dihargai

Oleh: NOR SALWANA MOHD. IDRIS, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Prihatin dengan tanggungjawab yang digalas anggota keselamatan yang bakal bertugas tatkala umat Islam menjelang tiba tidak lama lagi, Jabatan Pendaftar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyerahkan sebanyak sebagai menghargai jasa dan pengorbanan mereka.

Sumbangan diserahkan oleh Pro-Pendaftar UMP, Abd. Rahman Haji Safie bertempat di Bangunan Canselor pada Mei 2019 yang lalu.

Menurut Abd Rahman, menjadi tradisi saban tahun program ini diadakan sebagai menghargai komitmen keselamatan di kedua-dua kampus Pekan dan Gambang pada musim perayaan ini.

"Tatkala warga UMP bercuti panjang, mereka tetap bertugas menjaga keselamatan kampus sepanjang mereka. UMP berperanan dan menitikberatkan dari segi kebajikan mereka," katanya.

Menurut salah seorang penerima yang juga merupakan anggota keselamatan, Nurzatul Syida Zahari, berterima kasih atas keperihatinan UMP.

Tambahnya lagi, sudah menjadi kebiasaan buatnya untuk bertugas pada hari perayaan mengikut jadual yang ditentukan.

Baginya tanggungjawab yang diberikan ini amat berat namun akan menjalankan tugas seperti yang diamalkan.

Hadir sama dalam program, Ketua Bahagian Keselamatan, Ahmad Fauzi Ahmad Bakri dan Pengurus Pendaftar, Hajah Sabarehan Haji Ismail.

PIMPIN anjur Seminar Amazing al-Quran

Oleh: NOR SA'ADATUL AFZAN JUSOH, BAHAGIAN KOMUNIKASI KOORPORAT

Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Seminar al-Quran dalam program yang berlangsung di Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gambang pada 15 April 2018.

Pengarah Program, Amira Abdullah berkata, program ini lebih mendekatkan peserta dengan al-Quran sebaliknya mengingatkan mereka tentang ayat al-Quran yang menunjukkan cara terbaik untuk membina keluarga bahagia.

"Seramai 61 penyertaan dalam kalangan staf dan mahasiswa UMP mengambil peluang memanfaatkan program yang ditawarkan," katanya.

"Program yang berlangsung selama empat jam itu mengandungi dua slot iaitu pertamanya bertajuk 'Membina Keluarga Bahagia' yang disampaikan oleh penceramah jemputan, Dr. Abdul Latif dan slot kedua pula merupakan ceramah 'Membina Keluarga Bahagia' yang disampaikan oleh Dr. Mansor," katanya dalam program yang turut dihadiri Pengarah PIMPIN,

Dr. Abdul Latif merupakan seorang pensyarah di Fakulti Ilmu Wahyu & Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim (UINSS) Riau.

Beliau memiliki kepakaran dalam bidang Psikologi Islam dan Barat serta Pemikiran Islam.

Dalam ceramahnya, beliau menekankan bahawa al-Quran berfungsi untuk memberi kesedaran kepada manusia tentang syurga dan neraka.

Selain itu, al-Quran juga dapat merawat dan menjadi asbab penyembuh untuk penyakit.

Sementara itu, Dr. Mansor Sulaiman yang merupakan pensyarah di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemasyarakatan (PBMSK) UMP merupakan ahli akademik yang berpendidikan di Universiti Malaya dalam bidang Sejarah dan Tamadun Islam serta Syariah.

Beliau berkongsi mengenai panduan al-Quran dalam usaha untuk membangunkan keluarga bahagia iaitu banyak mengingati Allah SWT dan menjaga kesihatan hati akal dan tubuh.

Dalam pada itu, sebanyak 14 program disajikan sepanjang Festival Ramadan di kampus Gambang daripada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan Unit *MyGift* Pejabat Naib Canselor

Kolaborasi mahasiswa UMP dan UMK santuni pelajar

Seramai 40 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) bergabung bersama mahasiswa Universiti Malaya (UM) melalui program *Life & Journey @ Pengkalan Chepa* bagi memupuk minat pelajar terhadap dunia Sains dan Teknologi serta meningkatkan prestasi dalam pembelajaran khususnya kepada pelajar Sekolah Kebangsaan Pengkalan Chepa, Kota Bharu.

Program dianjurkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMP dengan kerjasama dengan Komuniti Sukarelawan dan Komuniti Wataniah UMP membabitkan seramai 80 pelajar di sekolah ini.

Usaha sama ini mampu meningkatkan jaringan kolaborasi dan kerjasama kedua-dua pihak selain memperluas reka cipta dalam kalangan pelajar sekolah.

Menurut Pengarah Program, Ezwan Shah Nordin selaku Exco Kesukarelawan dan Khidmat Komuniti MPP UMP berkata, program ini bertujuan untuk memberi pengalaman dan pelajaran berharga kepada mahasiswa meningkatkan kesedaran dan kemahiran dalam aspek rawatan kecemasan melalui kursus bersertifikat.

"Peluang kolaborasi ini diharapkan dapat dimanfaatkan mahasiswa di kedua-dua universiti manakala aktiviti turut menekankan elemen terhadap bidang Sains, Teknologi, Agama, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (S.T.A.S.M.)"

Sementara itu, bagi Muhammad Qayyim Mohd Awie selaku Presiden Kelab Wataniah UMP daripada Fakulti Kajian Masyarakat dan Perkembangan Masyarakat (FKMP) berkata, kolaborasi ini memberikan kelebihan buat mahasiswa untuk berkongsi pengalaman dalam kepimpinan dan khidmat sosial.

Manakala bagi mahasiswa Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Pushparani A/P Chadayam, menyatakan hubungan baik antara mahasiswa universiti selain bertukar pandangan.

Namun apa yang lebih menarik ujarnya dapat bertemu dengan pelajar sekolah dan sekali gus mempromosikan

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Saiful Bahri Ahmad Bakarim
saifulbahri@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairul Aidilnizah Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

MUHAMMAD NAUFAL SAMSUDIN

naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lina@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap karya yang disiarkan. Karya yang disiarkan tidak sependapat dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang disiarkan adalah kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerugian yang dialami akibat penyampaian karya.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penulis.

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safriza@ump.edu.my



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 130 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

